

KESALAHAN DALAM TERJEMAHAN BAHASA MELAYU-BAHASA MANDARIN DI KALANGAN PENUNTUT UiTM, SHAH ALAM

Dr. CHEW Fong Peng

Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF)

fpchew@um.edu.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan kesalahan umum yang terdapat dalam terjemahan bahasa Melayu-Mandarin dalam pembelajaran Kursus Bahasa Mandarin Tahap Tiga di kalangan penuntut UiTM. Antara kesalahan yang selalu ditemui termasuklah struktur ayat yang songsang, pemilihan diksi dan ungkapan yang tidak sesuai, penggunaan kata hubung yang salah, dan salah ejaan Hanyu Pinyin. Kesalahan itu wujud disebabkan kurang pergaulan dan interaksi antara penuntut dengan orang Cina, belajar Bahasa Mandarin untuk memenuhi syarat asas universiti, kurang penguasaan dalam pengetahuan konsep kompetens komunikatif, perbezaan tatabahasa dua bahasa, gagal mencari padanan perkataan yang sesuai kerana kekeliruan dan tiada kamus Hanyu Pinyin untuk penutur bukan jati. Oleh itu, dalam kelas bahasa Mandarin, pendidik haruslah menitikberatkan kemahiran bertutur yang berkesan serta kaedah komunikatif terutama dalam pengajaran kepada penutur bukan jati. Selain itu, beberapa cadangan serta strategi terjemahan turut diuraikan dalam makalah ini.

inverted sentence structure, choice of diction and expression that is not appropriate, the use of conjunctions that one, and one of Hanyu Pinyin spelling.

ERRORS IN MALAY-CHINESE TRANSLATION AMONG THE STUDENTS IN UiTM, SHAH ALAM

Abstract

This paper discusses the common errors found in the Malay-Mandarin language translations in learning Mandarin Course Phase Three among the UiTM students. Among the errors that are always found including the inverted sentence structure selection of inappropriate dictions and expressions, wrong usage of conjunctions and wrong spelling of Hanyu Pinyin. Errors that exist due to lack of interaction and association with Chinese, learn Mandarin to meet the basic criteria of the university, lack of mastery of the knowledge of the concept of communicative competence, gramatical differences between two languages, failed to match the suitable words of confusion and lack of Hanyu Pinyin dictionaries for non-native speakers. Thus, in the Mandarin language classes, educators must emphasize the skills of effective speaking and communicative methods of teaching to speakers, especially in the non-native speakers. In addition, some of suggestions and translation strategies were described in this paper.

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran bahasa asing kepada sesuatu kaum merupakan cabaran besar memandangkan bahasa asing itu merupakan bahasa ketiga, keempat atau lebih, apa lagi bahasa asing itu diajar kepada orang dewasa yang memerlukan proses transformasi informasi secara rumit berbanding kanak-kanak. Norhazlina Husin (2009: 339) berpendapat bahawa keadaan menjadi lebih rumit apabila guru yang mengajar bahasa tersebut menjadi satu-satunya sumber rujukan kepada pelajar.

Pendidikan Orang Dewasa

Pendidikan orang dewasa adalah jauh berbeza daripada pendidikan untuk kanak-kanak termasuk pengajaran bahasa asing. Pendidikan orang dewasa (andragogi) adalah satu pendidikan yang melibatkan mereka yang telah matang sama ada dari segi usia, emosi, pemikiran, dan pekerjaannya (Nor Azizah Mohd. Salleh, 1991). Malahan mengikut ahli psikolinguistik, Lennberg (1967) misalnya mengatakan bahawa kanak-kanak adalah pelajar bahasa yang lebih baik daripada orang dewasa. Penjelasan beliau melibatkan pematangan otak secara biologi serta hakikat bahawa bahasa biasanya terletak pada hemisfera yang dominan, iaitu hemisfera kiri (lateralisasi). Apabila otak mula matang, pembelajaran bahasa pun dibenarkan berlaku dan menentukan tempat berlakunya pembelajaran, tetapi apabila pematangan otak terhenti, biasanya lebih kurang pada umur baligh, dan apabila penempatan pun telah disempurnakan, maka pembelajaran bahasa pun menjadi sukar. Maka pendekatan pengajaran bahasa asing kepada orang dewasa adalah berbeza daripada kanak-kanak.

Para ahli psikolinguistik berpendapat bahawa pembelajaran bahasa asing adalah proses meniru, mengulang, mempraktis, pembiasaan yang kemudian diperkukuh dan dibuat generalisasi. Untuk itu, murid-murid haruslah menggunakan teknik meniru (*memesis*) dan mengingat (*memorization*) yang biasa dipanggil teknik *mim-mem* (Mansoer Pateda, 1990: 85). Sehubungan itu, seorang ahli psikologi bernama Simmins (1930) telah melakukan satu kajian eksperimen tentang pembelajaran bahasa asing. Beliau menggunakan empat kelompok murid perempuan sekolah rendah. Mereka diajar lapan pelajaran Bahasa Jerman. Kelompok A menggunakan metod langsung dan tiada penjelasan diberikan. Kelompok B diberikan penjelasan yang jelas tentang tatabahasa untuk menghindari kesalahan. Kelompok C diajar sama seperti kelompok B, tetapi mereka diberi banyak peluang untuk bertutur, manakala kelompok D diajar sama seperti kelompok B, tetapi tekanan lebih diberikan kepada peralihan (*transfer*). Dapatan kajian itu menunjukkan kelompok D lebih berhasil dalam pemerolehan bahasa asing itu.

Untuk menarik minat orang dewasa mempelajari dan menguasai bahasa asing dengan berkesan, salah satu caranya ialah menggunakan terjemahan sebagai teknik pengajaran kerana terjemahan merupakan salah satu teknik peralihan (*transfer*). Makalah ini akan membincangkan kesalahan umum terjemahan yang dilakukan oleh siswa/i yang mengikuti kursus Bahasa Melayu-Mandarin di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pemakalah berharap beberapa kesalahan umum terjemahan yang dibincangkan dalam makalah ini sedikit sebanyak dapat membantu siswa/i yang menjalankan terjemahan Bahasa Melayu-Mandarin dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin.

Pengajaran Bahasa Mandarin sebagai Bahasa Asing di UiTM

Bahasa Mandarin diajar sebagai bahasa ketiga kepada pelajar-pelajar bumiputera di UiTM. Objektif am pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin di UiTM ialah : a. membolehkan pelajar-pelajar menguasai bahasa Mandarin terutamanya dari segi pertuturan; b. memberi rangsangan dan galakan kepada para graduan UiTM agar berani memcebuti bidang perniagaan bersama kaum Cina di Malaysia; c. memudahkan para graduan UiTM bertugas di firma-firma swasta yang terdapat ramai staf dan pelanggan kaum Cina; d. mewujudkan semangat muhibah dan hormat-menghormati antara bumiputera dan orang Cina di Malaysia yang berbilang kaum ini di samping membantu mempercepatkan proses integrasi nasional yang menjadi matlamat utama kerajaan (Laporan Pusat Bahasa UiTM, 2002).

Bagi siswa/i UiTM, Bahasa Mandarin merupakan kursus wajib. Mereka dikehendaki mengambil dan lulus tiga aras Bahasa Mandarin, iaitu bahasa Mandarin Tahap I (BMD401), bahasa Mandarin Tahap II (BMD 451) dan bahasa Mandarin Tahap III (BMD 501). Sebagai pendedahan awal, siswa/i mempelajari Bahasa Mandarin menerusi sistem sebutan *Hanyu Pinyin*. Hanya pada Tahap III (BMD501), mereka mula belajar sedikit tulisan Cina.

Terjemahan hanya diajar semasa siswa/i diberi latihan dalam buku kerja. Buku-buku kerja semua tahap Bahasa Mandarin mengandungi latihan terjemahan untuk membantu siswa/i mempelajari dan menguasai tatabahasa, sintaksis dan leksikal Bahasa Mandarin. Hal ini menepati kenyataan Lefevre (dlm

Petrocchi, 2006) bahawa apabila seseorang pelajar melakukan terjemahan, tanpa disedari dia akan melakukan tiga perkara, iaitu menganalisis, memindah dan menstruktur semula. Proses ini dapat membantu pelajar memahami struktur ayat dengan mudah. Namun begitu terjemahan tidak diajar secara khusus dalam kuliah atau tidak menjadi fokus utama pengajaran. Ia lebih berupa salah satu teknik pengajaran yang membolehkan mereka memahami kompetensi bahasa Mandarin yang langsung berbeza daripada bahasa Melayu.

Kaedah kajian

Dalam peperiksaan akhir kursus tersebut, terdapat satu bahagian terjemahan. Sebanyak lima ayat dalam bahasa Melayu yang perlu diterjemahkan dalam bahasa Mandarin oleh siswa/i. Bahagian ini agak tinggi pemberatan markahnya, iaitu sebanyak 20%. Namun begitu, terjemahan itu hanyalah setakat terjemahan dalam bentuk *Hanyu Pinyin*, dan bukannya dalam tulisan Cina. Soalan peperiksaan akhir semester terdiri daripada dua set, iaitu set A dan set B. Soalan-soalan dalam dua set kertas peperiksaan itu adalah berbeza tetapi sama peruntukan bahagian dan markah. Siswa/i akan diberi set soalan yang berbeza untuk mengelakkan masalah peniruan berlaku.

Data kajian dikumpul daripada kesemua 10 ayat terjemahan yang dibuat oleh para siswa/i Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Shah Alam dalam peperiksaan akhir

semester BMD501. Beberapa aspek kesalahan umum dalam terjemahan contoh-contoh ayat bahasa Melayu-Mandarin telah dikenal pasti dan dianalisis. Antara kesalahan umum yang ditemui termasuklah struktur ayat yang songsang, penggunaan kata hubung yang salah, terjemahan langsung yang tidak gramatis, pemilihan diksi yang tidak sesuai, penggunaan ungkapan yang tidak sesuai, pemilihan imbuhan yang salah, penggunaan kata penguat yang salah, dan lain-lain.

Analisis Kesalahan Umum Terjemahan Harfiah Bahasa Melayu-Mandarin

Contoh ayat 1:

Ayat sumber: Di dalam pejabat kakak, Saiful paling peramah dan juga paling rajin.

Terjemahan: Zai jiejie de **shangban**, Saiful **hen** laoshi, ye **hen** qinfen.

Shaiful **hen** _____, **he hen** fujin (zai jiejie **gongsi** li).

Zai jiejie (de) **gongshi** li, Saiful **zui hen** youshan ye hen qinfen.

Zai **wo de** jiejie banggongshi li, Saiful zui youshan **hen** qingfen.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai:

Zai jiejie (de) bangongshi li, Saiful zui youshan ye zui qinfen.

Pelajar memilih diksi yang tidak tepat dalam terjemahan tersebut. Kata penguat ‘paling’ (zui 最) salah diterjemahkan sebagai ‘hen’ (很), perkataan ‘pejabat’ salah diterjemahkan sebagai ‘gongsi’(公司) dan ‘shangban’ (上班), ‘dan juga salah diterjemahkan sebagai ‘zui hen’ (最很).

Selain itu, pelajar juga keliru dengan penggunaan kata hubung ‘de’ (的). ‘Di dalam pejabat kakak’ sepatutnya diterjemahkan sebagai ‘zai jiejie de bangongshi li’ (在姐姐的办公室), tetapi pelajar menterjemahnya sebagai ‘zai wo de jiejie banggongshi li’ (在我的姐姐办公室里).

Di samping itu, pelajar juga meletak frasa secara songsang, misalnya frasa ‘Di dalam pejabat kakak’ telah salah ditempatkan di belakang ayat.

Dalam contoh ayat di atas, penterjemah cuba menterjemah perkataan demi perkataan sehingga menjejaskan makna sebenar ayat tersebut. Disebabkan tidak mematuhi sintaksis ayat dalam bahasa penerima/sasaran, penterjemah sering melakukan kesilapan pembinaan ayat dan mengabaikan hubungan antara kata-kata dalam sesuatu ayat. Kesilapan yang sama boleh diperlihatkan dalam contoh-contoh yang lain seperti berikut:

Contoh ayat 2:

Ayat sumber: Pak cik saya biasanya suka membeli daging ayam di pasar seksyen 6.

Terjemahan: Wo de shushu hen **xiang** mai jirou (**zai liu qu de basha**).
Wo de **fuqin** pingshi xihuan mai jirou (**zai liu qu basha**).
Wo de **dianti changchang xiang** qu liu qu basha mai jirou.
Wo de **xiaojie sheshe** maicai jierou de (basha Sha'an 6__).

Sepatutnya diterjemahkan sebagai: Wo (de) shushu/bofu pingshi xihuan qu/zai liu qu de basha mai jirou.

Siswa/i mengalami masalah untuk memilih kata panggilan untuk saudara 'pak cik' (叔叔) dalam bahasa Mandarin, justeru itu lahirnya perkataan 'fuqin' (父亲), 'dianti' (电梯), xiaojie (小姐) dan lain-lain.

Selain itu, siswa/i tidak dapat membezakan 'xihuan' (喜欢) dengan 'xiang' (想) sebab 'xiang' (想) bagi mereka bermaksud 'hendak'; kebetulan perkataan 'suka' dan 'hendak' adalah sinonim dalam Bahasa Melayu. Kesalahfahaman tersebut menyebabkan siswa/i melakukan kesalahan penterjemahan.

Perkataan 'biasanya' (pingshi 平时) juga disalahterjemahkan sebagai 'changchang' (常常) dan 'sheshe' (时时) kerana siswa/i keliru antara 'pingshi' (平时) dengan 'changchang' (常常) dan 'sheshe' (时时). Bagi mereka, ketiga-tiga perkataan itu adalah sama maksudnya, padahal 'pingshi' (平时) membawa pengertian perbuatan yang dilakukan setiap hari, manakala 'changchang' (常常) dan 'sheshe' (时时) digunakan untuk perbuatan yang dijalankan selalu, tidak semestinya setiap hari. Malahan perkataan 'sheshe' salah ejaannya, ejaan *Hanyu Pinyin* yang betul ialah 'shishi'.

Seterusnya siswa/i cenderung melakukan salah lokasi dalam terjemahan. Frasa 'zai liu qu de basha' (在六区的巴杀/di pasar seksyen 6) dibubuh di belakang ayat akibat pengaruh struktur ayat Bahasa Melayu. Kesemua siswa/i melakukan kesalahan tersebut kecuali calon ketiga.

Kesalahan menterjemah panggilan untuk ahli keluarga juga dikesan dalam ayat 3 berikut.

Contoh ayat 3:

Ayat sumber : Abang lebih tua empat tahun daripada saya, tetapi dia lebih rendah daripada saya.

Terjemahan : **Dage** bi wo ___ si sui, buguo ta bi (ai wo).

Sepatutnya diterjemahkan sebagai: Gege bi wo da si sui, buguo ta bi wo ai.

Ahli keluarga ‘abang’ (gege) telah diterjemahkan sebagai ‘dage’ yang bermaksud ‘abang long’, manakala perkataan ‘tua’ (da 大) ditinggalkan kosong dalam ayat terjemahan kerana calon ini telah lupa padanannya dalam bahasa Mandarin.

Kesalahan yang sama turut ditunjukkan dalam ayat berikut.

Contoh ayat 4:

Ayat sumber: Siti hendak pergi ke stesen bas untuk menjemput kakak sepupu, sambil itu membeli tiket bas.

Terjemahan: Xidi yao qu chezan jie ta de mei-mei, shunbian mai chepiao.

Siti qu chezan yao jie qinqi de mei-mei, shunbian mai chepiao.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai: Xidi yao qu basi chezhan jie biaojie, shunbian mai chepiao.

Ayat tersebut jelas menunjukkan siswa/i gagal mencari padanan kata untuk kakak sepupu (表姐 biaojie), lantas menggunakan perkataan ‘mei-mei’ (妹妹 adik perempuan) dan ‘qinqi de mei-mei’ (亲戚的妹妹 adik perempuan saudara). Keadaan ini menggambarkan siswa/i tidak dapat membezakan ‘jiejie’ (姐姐) dengan ‘meimei’ (妹妹), selain itu mereka juga kurang peka dengan kata panggilan ahli keluarga dan saudara dalam bahasa Mandarin.

Ayat 5 berikut memaparkan masalah-masalah siswa/i dalam menterjemah perkataan-perkataan tertentu.

Contoh ayat 5:

Ayat sumber: Awak jalan menuju ke hadapan, sampai di hujung jalan, awak akan nampak kedai buku.

Terjemahan: Ni xiang qian zao, duo le lukou, jin nui kandao shudian.

Ni qian mian zhuo, dao le lukou, ni yiting kantao shudian.

Ni xiang qian zhu, dao le jintou, ni jiu hui kandao shudian.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai: Ni xiang qian zou, dao le jintou, ni (jiu) hui kandao shudian.

Dalam ayat di atas, siswa/i menghadapi masalah untuk mencari padanan frasa untuk ‘hujung jalan’ (jintou 尽头), rata-rata mereka menggunakan frasa ‘lukou’ (路口) (persimpangan jalan). Barangkali mereka menganggap ‘lukou’ adalah sinonim dengan ‘hujung jalan’ sebab pengguna jalan raya tidak dapat meneruskan jalan lurus dan terpaksa belok.

Satu lagi kesalahan umum ialah kata sendi ‘akan’ (hui 会). Perkataan ini telah disalahterjemahkan sebagai ‘jin nui’ (?) atau ‘yi ting’ (一定). ‘jin nui’ mungkin salah dieja daripada klausa ‘jiu hui’ (就会), manakala ‘yi ting’ (一定) bererti ‘mesti’, adalah langsung berbeza daripada perkataan ‘akan’ (hui 会).

Contoh di atas juga memaparkan kecenderungan siswa/i mengeja *Hanyu Pinyin* dengan salah, misalnya perkataan ‘zou’ (走 jalan), disalah eja sebagai ‘zao’, ‘zhuo’, atau ‘zhu’, ‘yiding’ (一定) disalah eja sebagai ‘yiting’, dan ‘kandao’ (看到) disalah eja sebagai ‘kantao’.

Kesalahan yang mirip turut ditemui dalam ayat berikut.

Contoh ayat 6:

Bahasa sumber: Saya pergi ke stesen bas untuk membeli tiket kerana lusa saya hendak balik ke kampung halaman.

Terjemahan: Wo qu chezan mai chepiao yinwei **zuotian** wo yao **qu** hui xiang.
Wo qu chezan mai **piao** yinwei **mingtian** wo yao hui xiang.
Wo qu chezan **yao** mai **piao** yinwei **haotian** wo yao hui xiang.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai:

Wo qu (bashi) chezhan mai chepiao yinwei wo huotian yao hui xiang
Wo qu (bashi) chezhan mai chepiao yinwei houtian wo yao hui xiang.

Siswa/i sekali lagi tidak dapat mengenal pasti perkataan ‘lusa’ (后天) dalam bahasa Mandarin, lantaran memilih perkataan ‘zuotian’ (昨天) dan ‘mingtian’ (明天), atau memilih perkataan yang betul ‘houtian’ (后天), tetapi disalah eja sebagai ‘haotian’ (好天).

Satu lagi kesalahan lain yang dikesan di sini ialah ‘tiket’. Bagi orang Cina, biasanya tiket bas dipanggil ‘chepiao’, jarang kita menggunakan aksara ‘piao’ (票) sahaja kerana maksudnya tergantung bahawa itu tiket apa? Tiket keretapi? Tiket LRT? Tiket Monorel? Tiket komuter? Tiket kapal terbang? atau tiket loteri? (马票) Oleh itu, dalam ayat Mandarin, walaupun sudah disebut bahawa ‘wo qu **chezan**’ (saya pergi ke stesen bas), tetapi calon tetap kena menulis ‘mai **chepiao**’ (membeli tiket). Aksara ‘che’ (车) perlu diulang di sini memandangkan perkataan Cina lazimnya terdiri daripada dua aksara untuk membentuk makna yang sempurna.

Terdapat seorang siswa menambah perkataan ‘yao’ (要) dalam terjemahannya untuk menyampaikan maksud ‘untuk’ dalam ayat sumber. Pemilihan perkataan ini juga didapati kurang tepat kerana aksara ‘yao’ dengan ‘untuk’ adalah berbeza. ‘Yao’ bererti ‘hendak’, iaitu belum beli tiket, atau baru merancang untuk berbuat demikian, sedangkan ayat sumber membawa maksud bahawa saya sudah buat keputusan untuk membeli tiket,

bukannya baru merancang. Oleh itu, perkataan ‘yao’ (要) haruslah dibuang daripada terjemahan di atas.

Lazimnya siswa/i Melayu menghadapi kesulitan dalam memahami struktur ayat Cina yang langsung berbeza atau bercanggah dengan tatabahasa Melayu. Oleh itu, mereka mengalami kekeliruan apabila berhadapan dengan ayat majmuk yang kompleks strukturnya seperti ayat berikut.

Contoh ayat 7:

Ayat sumber: Shazmi memperkenalkan tempat pelancongan di Kuala Lumpur kepada kawannya dari luar negara.

Terjemahan: Shazmi gei ta de **gaosu** pengyou___**JiYongPo** de **gaolao dasha**.

Shazmi jeishao gei ta de waiguo pengyou (jilongpo de **difang luxing**).

Shazmi **shuo** ta de **gousu** pengyou (Jilongpo de **luxingtuan**).

Shazmi jieshou (**luxingtuan** Jilongpo) **dujia zou ni de** waiguo pengyou.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai:

Shazmi gei ta de waiguo pengyou jieshou Jilongpo de luyou shengdi.

Shazmi jieshou Jilongpo de luyou shengdi gei ta de waiguo pengyou.

Ayat sumber di atas terdiri daripada tiga ayat mudah yang digabungkan dengan menggunakan kata hubung, iaitu ‘di’, ‘kepada’, dan ‘dari’. Apabila diterjemah, frasa ‘tempat pelancongan di Kuala Lumpur’ (吉隆坡的旅游胜地 Jilongpo de luyou shengdi) harus bubuh di belakang ayat apabila aksara ‘gei’ (给 kepada) digunakan di depan ayat, sebaliknya frasa ‘tempat pelancongan di Kuala Lumpur’ (吉隆坡的旅游胜地 Jilongpo de luyou shengdi) perlu diletak di belakang ayat sekiranya aksara ‘gei’ (给 kepada) berada di depan frasa itu. Namun begitu, sampel ayat kedua dan ketiga di atas menunjukkan bahawa siswa/i telah meletak frasa ‘Jilongpo de luyou shengdi’ di tempat yang salah. Ayat pertama pula lupa membubuh aksara ‘jieshao’ (介绍), sementara ayat keempat tidak meletak aksara ‘gei’ (给).

Kesalahan-kesalahan lain lebih berupa kesalahan pemilihan diksi, umpamanya ‘tempat pelancongan’ (旅游胜地 luyou shengdi) paling banyak salah terjemahannya, seperti ‘gaolao dasha’ (高楼大厦), ‘difang luxing’ (地方旅行), ‘luxingtuan’ (旅行团), dan ‘dujia’ (度假). Perkataan ‘memperkenalkan’ (jieshao 介绍) juga disalahterjemahkan sebagai ‘gaosu’ (告诉) dan ‘shuo’ (说), ‘luar negara’ diterjemahkan kepada ‘gousu’ (?).

Kesalahan ejaan *Hanyu Pinyin* sekali lagi dikesan dalam terjemahan di atas, iaitu ‘Jilongpo’ (吉隆坡 Kuala Lumpur) ditulis sebagai ‘JiYongPo’ dan ‘gaolou dasha’ (高楼大厦) ditulis sebagai ‘gaolao dasha’.

Kesusahan siswa/i dalam menterjemah ayat majmuk turut dipapar dalam ayat berikut.

Contoh ayat 8:

Ayat sumber: Saya membawa kawan dari luar negara pergi ke Pasar Seni untuk membeli cenderamata.

Terjemahan: Wo (qu **Pasar seni song Zhongguo**) pengyou mai **dongxi**.

Wo ___ wo de waiguo pengyou qu **Yishufeng** mai **cinniapin**.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai : Wo dai wai guo lai de pengyou qu Zhongyan Yishufang mai jinianpin.

Sama seperti contoh ayat 6, ayat 7 di atas juga diterjemahkan oleh calon pertama dengan salah dari segi struktur ayat. Sepatutnya ‘qu Zhongyan Yishufang’ (去中央艺术坊 pergi ke Pasar Seni) letak selepas ‘pengyou’ (kawan 朋友), tetapi calon pertama meletak frasa tersebut sejurus selepas ‘wo’ (saya 我).

Tambahan pula, kedua-dua calon di atas salah terjemahkan ‘pasar seni’. Calon pertama langsung tidak tahu istilah ‘pasar seni’ dalam Bahasa Mandarin, lantas menggunakan kata nama ‘Pasar Seni’, manakala calon kedua salah eja ‘Yishufang’ (艺术坊) sebagai ‘Yishufeng’. Calon pertama tidak mengingati ‘cenderamata’ dalam bahasa Mandarin, lalu mencari kata ganti ‘dongxi’ (东西); sementara calon kedua salah eja ‘jinianpin’ (纪念品) sebagai ‘cinniapin’.

Kesilapan yang mirip ditemui lagi dalam ayat berikut.

Contoh ayat 9:

Ayat sumber: Kita boleh menyelam dan melihat batu karang di Pulau Redang.

Terjemahan: Women ke yi qianshui he kan **nianhu (zai Lelang Dao)**.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai : Women keyi zai Lelang Dao qianshui he kan shanhu.

Siswa/i sekali lagi meletakkan frasa ‘di Pulau Redang’ (在热浪岛 zai Lelang Dao) di belakang akibat pengaruh struktur ayat bahasa Melayu. Manakala ‘batu karang’ (珊瑚 shanhu) telah disalah eja sebagai ‘nianhu’ (?).

Ayat terakhir memamerkan masalah penterjemahan yang sama.

Contoh ayat 10:

Ayat sumber: Aminah memberitahu kami bahawa mesin fotostat di pejabat sudah rosak.

Terjemahan: Aminah **gei** women **gongsi** de **fuyin** huai le.

Sepatutnya diterjemahkan sebagai: Amina gaosu women bangongshi de fuyinji huai le.

Calon menghadapi masalah menterjemah perkataan ‘pejabat’ (办公室 bangongshi), ‘mesin fotostat’ (复印机 fuyinji) dalam bahasa Mandarin, lalu mencari kata ganti ‘gongsi’(公司) dan ‘fuyin’ (复印). Perkataan ‘memberitahu’ (告诉 gaosu) juga disalahterjemahkan sebagai ‘gei’ (给).

Daripada perbincangan di atas, jelas dipaparkan bahawa siswa/I UiTM cenderung untuk melakukan kesalahan yang berikut.

1. Struktur ayat yang songsang
2. Pemilihan perkataan yang tidak sesuai/tepat khususnya saudara mara
3. Terjemahan ungkapan yang kurang sesuai
4. Penggunaan kata penguat yang salah
5. Salah ejaan *Hanyu Pinyin*

Sebab-sebab Berlakunya Kesalahan Terjemahan

Daripada kesalahan-kesalahan umum dalam terjemahan yang dibincangkan di atas, maka dapat disimpulkan beberapa sebab utama berlakunya kesalahan tersebut. Sebab tersebut boleh dilihat daripada dua aspek besar, iaitu aspek siswa/i sendiri dan aspek perbezaan dua bahasa.

Dari aspek pertama, siswa/i didapati kurang bergaul dan berinteraksi dengan orang Cina. Kompetensi interaksi melibatkan pengetahuan dan penggunaan peraturan interaksi pelbagai situasi komunikasi dalam komuniti bahasa dan budaya tertentu. Persekitaran di UiTM yang didominasi oleh orang Melayu semata-mata mengekang peluang interaksi dan pergaulan mereka dengan rakan-rakan Cina. Mereka hanya bertemu orang Cina di kedai atau pusat membeli belah, dan bahasa komunikasi mereka ialah bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan siswa/i menghadapi masalah kemahiran berkomunikasi dalam konteks penggunaan sebenar bahasa Mandarin, seterusnya menyebabkan terjemahan mereka menjadi dangkal, diterjemahkan secara langsung dan tidak gramatis sifatnya.

Penguasaan dan pengetahuan siswa/i tentang konsep kompetensi bahasa juga menjadi penyumbang kepada ketidakmampuan mereka mengenal pasti dan menghasilkan struktur tatabahasa sesuatu bahasa dengan tepat dan seterusnya gagal menggunakannya dengan berkesan dalam bahasa sasaran. Oleh itu, siswa/I berada di bawah tekanan yang besar untuk cuba menggabungkan semua struktur bahasa baru yang dipelajari ke dalam sistem mereka.

Tambahan pula, siswa/i mengambil kursus Bahasa Mandarin kerana itu subjek wajib, bukan atas faktor minat. Faktor paksaan menyebabkan siswa/i bersikap sambil

lewa dalam pembelajaran bahasa tersebut dan tidak berusaha untuk menguasai Bahasa Mandarin dengan bersungguh-sungguh. Hal ini jelas ditunjukkan dalam terjemahan kata hubung dan kata penguat ke dalam Bahasa Mandarin, iaitu siswa/i gagal mengingat padanan kata yang tepat walaupun sudah mempelajarinya.

Di samping itu, setiap bahasa menggunakan unsur tatabahasa dengan caranya tersendiri; dalam erti kata lain, tiada persamaan satu–lawan-satu. Unsur tatabahasa juga seringkali memainkan peranan sebagai penentu hubungan dan perkaitan antara idea yang terkandung dalam wacana (Ainon, 2007: 107). Dari aspek bahasa, Bahasa Mandarin dan bahasa Melayu adalah dua jenis bahasa yang langsung berbeza. Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2008:197), perbezaan bahasa menyebabkan kita perlu melakukan pelbagai penyesuaian semula dalam terjemahan. Semakin banyak perbezaan antara tatabahasa sumber dan tatabahasa sasaran, maka semakin banyak perubahan yang perlu dilakukan.

Sesetengah peristiwa hanya berlaku atau dialami oleh sesuatu bangsa tertentu. Sehubungan itu, istilah-istilah yang digunakan untuk menggambarkan keadaan atau peristiwa tersebut tidak dapat padanan perkataan dalam bahasa bangsa lain. Hal ini menyebabkan keadaan ketidakpadanan perkataan berlaku dalam terjemahan. Fenomena ini secara langsung memperlihatkan perbezaan kebudayaan antara kedua-dua bangsa tersebut (Feng Yulu, 2003: 289). Contohnya masyarakat Cina sangat mementingkan tali kekeluargaan sehingga mencipta banyak panggilan untuk saudara mara dengan detail dan teliti, daripada 公公 (datuk sebelah ayah), 婆婆 (nenek sebelah ayah), 外公 (datuk sebelah ibu), 外婆 (nenek sebelah ibu), 爸爸 (ayah), 妈妈 (ibu), 哥哥 (abang), 姐姐 (kakak), 弟弟 (adik lelaki), 妹妹 (adik perempuan), 伯父 (pak cik sebelah ayah yang lebih tua), 叔叔 (pak cik sebelah ayah yang lebih muda), 舅舅 (pak cik sebelah ibu), 姑姑 (mak cik sebelah ayah), 阿姨 (mak cik sebelah ibu), sehinggalah 表 (sepupu keluarga ayah), 堂 (sepupu keluarga ibu), dan lain-lain. Begitu juga dengan pelbagai peristiwa perayaan Cina seperti Festival Tanglung, Festival Dongzhi, Festival Perahu Naga dan lain yang sarat dengan unsur kebudayaan. Tanpa pengetahuan, pemahaman dan penguasaan aspek sosiobudaya Cina tersebut, siswa/i menghadapi hambatan besar dalam pemerolehan bahasa Mandarin kerana mereka belajar berpandukan skema bahasa dan budaya Melayu.

Ahi psikolinguistik menganggap bahawa pemerolehan bahasa pertama akan mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua dan dipanggil ‘gangguan bawaan’. Namun ahli psikolinguistik berpendapat bahawa gangguan tersebut berlaku pada tahap kecenderungan memproses, bukannya habit, peraturan atau parameter. Salah satu model memproses yang dikenal pasti dalam penyelidikan bahasa kedua ialah Model Persaingan; model itu mencadangkan bahawa tafsiran kalimat adalah ditetapkan oleh himpunan ilmu pengetahuan tentang keserupaan bahawa isyarat tertentu menunjukkan peranan semantik tertentu (Gleason & Ratner, 1998: 467). Contohnya Bahasa Mandarin lazimnya menggunakan partikel ‘de’ (的) untuk membawa maksud ‘punya’, dan ini berlawanan dengan struktur frasa Melayu, umpamanya ‘ibu saya’ dalam bahasa Mandarin ialah ‘wo de mama’ (我的妈妈), tetapi apabila digunakan dalam konteks tempat, siswa/i gagal menggunakan aksara ‘de’, misalnya ‘pasar di Sekysen 7’ dalam bahasa Mandarin ialah

'liu qu de basha' (六区的巴杀), tetapi siswa/i menterjemahkannya kepada 'liu qu basha' (六区巴杀). Terjemahan itu jelas memamerkan siswa/i Melayu masih tidak memahami sepenuhnya konteks penggunaan 'de' (的) dalam ayat Mandarin.

Satu penyebab lain yang tidak kurang penting ialah langsung tiada kamus dalam bentuk *Hanyu Pinyin* untuk pelajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua; kamus untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina didapati terlalu sukar untuk dirujuk oleh siswa/i UiTM kerana mereka belajar Bahasa Mandarin berpandukan *Hanyu Pinyin* sepenuhnya, dan bukannya mempelajari tulisannya. Ini bererti siswa/i UiTM terpaksa bergantung kepada buku teks dan pensyarah Bahasa Mandarin seratus peratus, dan ini menghadkan pengembangan kosa kata, istilah, frasa dan tatabahasa mereka.

Cadangan

Daripada perbincangan tersebut, jelaslah bahawa masalah tersebut perlu ditangani dengan teliti. Bahasa Mandarin memainkan peranan yang semakin penting, selari dengan bangkitnya kuasa gergasi ekonomi China. Maka penguasaan dan penggunaan bahasa Mandarin yang betul menjadi semakin penting bagi individu yang ingin berurusan dengan China khususnya dan orang Cina umumnya.

Sehubungan itu, universiti memainkan peranan utama untuk melahirkan graduan yang menguasai kemahiran bahasa Mandarin yang berkesan. Dalam kelas bahasa Mandarin, pensyarah haruslah menitikberatkan kemahiran bertutur yang berkesan serta kaedah komunikatif terutama dalam pengajaran kepada penutur bukan jati. Siswa/i bukan sahaja mampu menguasai tatabahasa dan kosa kata dengan baik, malah perlu meningkatkan kebolehan mentafsir makna sosial pelbagai pilihan bahasa dan menggunakan bahasa dengan makna sosial yang tepat bagi situasi komunikasi tertentu .

Untuk memenuhi matlamat tersebut, maka kursus Bahasa Mandarin yang ditawarkan di universiti bukan sahaja perlu diwajibkan, malahan perlu ditambah sekurang-kurangnya sehingga tahap VI. Keadaan sekarang ialah siswa/i UiTM hanya mengambil satu Bahasa Mandarin dalam masa satu sesi atau setahun, ini bererti mereka akan lupa bahasa itu apabila mereka mengambil kursus Bahasa Mandarin tahap lebih tinggi pada tahun hadapan kerana sudah berhenti satu semester. Kelompangan itu membantut usaha dan kemajuan siswa/i dalam pembelajaran bahasa berkenaan kerana pembelajaran ialah proses yang berterusan.

Menurut Wang Zuoliang (2003:1), terjemahan melibatkan kedua-dua aspek bahasa serta budaya. penterjemah harus mengetahui kebudayaan asing serta kebudayaan masyarakat sendiri. Selain itu, penterjemah perlu membuat perbandingan terus-menerus antara dua kebudayaan kerana terjemahan perlulah memenuhi ciri kesamaan atau secocok dalam pengertian, fungsi, liputan dan perasaan dalam dua kebudayaan tersebut.

Justeru itu, sensitiviti terhadap kebudayaan menjadi prasyarat utama bagi seseorang penterjemah; seseorang penterjemah perlu meneliti aspek semantik, sintaksis, pragmatik, dan laras bahasa dan lain-lain untuk memperoleh pemahaman yang tepat. Tanpa sensitiviti kebudayaan menjadi faktor utama salah interpretasi dan salah terjemahan (Qiu Maoru, 2003: 315).

Maka, pengajaran sesuatu bahasa asing adalah tidak lengkap tanpa penyelitan unsur sosiobudaya kaum tersebut. Oleh itu, pengajaran Bahasa Mandarin di UiTM harus membuka ruang dan peluang kepada siswa/i tentang budaya dan cara hidup penutur Bahasa Mandarin. Untuk memenuhi tujuan tersebut, maka sukatan pelajaran Bahasa Mandarin perlu memasukkan lebih banyak unsur sosiobudaya masyarakat Cina, dan bukannya hanya mengajar topik kehidupan seharian semata-mata seperti membeli-belah di pasar, tanya jalan, balik kampung, melancong dan lain-lain. Topik-topik tersebut didapati bersifat terlalu umum dan tidak membawa unsur sosiobudaya Cina, dan ini menyukarkan pemahaman dan interpretasi siswa/i Melayu terhadap kebudayaan Cina yang turut menyumbang kepada pembentukan tatabahasa Bahasa Mandarin.

Cadangan tersebut adalah sejajar dengan pendapat ahli psikolinguistik bahawa pemerolehan bahasa kedua menghadapi masalah mengalami dan melakukan usaha untuk memahaminya. Pendekatan tersebut tidak mengharapkan pemerolehan bahasa dari aspek gaya atau strategi, melainkan pengalaman input yang berbeza secara ketara antara individu. Pendekatan pemprosesan psikolinguistik menanggapi pemerolehan bahasa kedua kurang menghadapi masalah kecekapan pemprosesan dan input, dengan memberi perhatian kepada konteks sosiobudaya yang lebih luas di mana peristiwa itu terjadi (Gleason & Ratner, 1998: 468).

Di samping itu, pola ayat yang betul juga perlu ditekankan oleh pensyarah bagi memastikan siswa/i dapat menggunakan ayat dengan betul. Dalam proses ini, siswa/i harus diingatkan bahawa ayat yang betul dan makna mengikut konteks lebih ditekankan daripada terjemahan kata demi kata. Peringatan ini penting supaya siswa/i tidak membina ayat berdasarkan tatabahasa Bahasa Melayu, atau mengalami "gangguan terbawa", yakni bahasa pertama mereka mengganggu bahasa kedua atau sebaliknya (Raminah Hj. Sabran & Rasim Syan, 1985).

Selain itu, strategi terjemahan lain yang dicadangkan adalah menyelenggara atau menyunting kamus *Hanyu Pinyin* khusus untuk penutur bukan jati yang lengkap dengan pemberian contoh mengikut konteks. Tesaurus *Hanyu Pinyin* juga perlu disusun sebagai rujukan utama dengan penyertaan rangkaian kata bagi sesuatu perkataan.

Kesimpulan

Pengajaran bahasa asing kepada penutur asing amat bergantung kepada kebijaksanaan dan kreativiti pendidik dalam merancang dan melaksanakan rancangan pengajaran mereka. Dalam konteks kajian ini, siswa/i universiti harus banyak bergaul dengan rakan-rakan Cina selain menguasai aspek tatabahasa Mandarin dengan baik. Di

samping itu, penterjemah itu perlu memperlengkap diri dengan pengetahuan aspek kebudayaan kaum Mandarin supaya terjemahan itu lebih berkesan dan natural sifatnya.

RUJUKAN

Abd. Wahid Jais & Faezah Kassim. (2008). *Pembudayaan Ilmu Melalui Penterjemahan*, *Jurnal Pemikir*, Januari-Mac: 107-120.

Ainon Mohammad. (2007). *Panduan Menterjemah*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*, edisi khas, PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd & ITNMB, Kuala Lumpur

Gleason, J.B. & Rtner, N.B (eds). (1998). *Psycholinguistic*. 2nd edition, Thomson Learning, Wadsworth.

Feng Yulu 冯玉律. (2003). 词语的文化内涵与翻译。郭建中(编)。《文化与翻译》，中国对外翻译出版公司，北京：287-311 页。

Laporan Pusat Bahasa UiTM, (2002).

Lenneberg, E. (1967). *Biological Foundations of Language*. Wiley, New York.

Mansoer Pateda. (1990). *Aspek-aspek Psikolinguistik*, Penerbit Nusa Indah, Jogjakarta.

Nor Azizah Mohd. Salleh. (1991). *Kajian Aktiviti-aktiviti Pendidikan Dewasa di Malaysia*, Pembangunan Sumber Manusia, UKM, Bangi.

Norhaliza Husin. (2009). Terjemahan dalam Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Aasing di Luar Negara. Dlm Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (pngr.). (2009). *Kelestarian Bidang Penterjemahan*, Persatuan Penterjemahan Malaysia, Kuala Lumpur: hlm. 338-347.

Petrocchi, V. (2006). Translation as an Aid. *Translation Journal*. 10(4). Viewed 7 January, 2011 <<http://www.accurapid.com/journal/38teaching.htm>>

Qiu Maoru 邱懋如. (2003)。文化及其翻译。郭建中(编)。《文化与翻译》，中国对外翻译出版公司，北京：312-320 页。

Raminah Hj. Sabran & Rahim Sham. (1985). “*Kaedah pengajaran Bahasa Malaysia*”, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Wang Zuoliang 王佐良. (2003). 翻译中的文化比较. 郭建中(编). 《文化与翻译》, 中国对外翻译出版公司, 北京: 1-10 页。